

Urus kepelbagaian di kampus lahir siswa berilmu, jiwa perpaduan

Abdullah Arshad,

Ketua Pentadbiran, Pejabat Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni), Universiti Putra Malaysia (UPM)

Dalam dunia semakin terdedah kepada konflik geopolitik, ketidaktentuan ekonomi dan tekanan kos sara hidup, isu perpaduan tidak lagi boleh dianggap sebagai agenda sampingan. Perpaduan menjadi keperluan asas dalam membina masyarakat stabil, berdaya tahan dan inklusif.

Universiti muncul sebagai medan paling strategik untuk membentuk kesepaduan generasi masa hadapan kerana universiti bukan sekadar institusi akademik, tetapi ruang pembinaan nilai, jati diri dan kepemimpinan negara.

Kampus ialah 'miniatur' kepada dunia sebenar kerana pelajar daripada pelbagai latar belakang sosioekonomi, budaya, bahasa, agama, etnik serta pelajar antarabangsa berinteraksi secara langsung.

Dalam persekitaran kampus, kepelbagaian pandangan membuka ruang kepada pemikiran lebih kritikal, kreatif dan inklusif. Pelajar terdedah kepada pelbagai perspektif akan lebih berempati serta bersedia mencari titik persamaan dalam perbezaan, sekali gus bersedia menghadapi realiti global semakin kompleks.

Usaha memperkukuh perpaduan di kampus juga sejajar dengan aspirasi bakat dalam Rancangan Pendidikan Tinggi Malaysia 2026-2035 yang menekankan pembangunan pelajar adaptif, tangkas dan berdaya tahan.

Perpaduan kampus bukan sekadar agenda sosial, tetapi asas pembentukan graduan holistik yang mampu menjadi pembina negara.

Melalui interaksi merentasi perbezaan, pelajar diasuh dengan nilai hormat, toleransi dan empati, di samping membina keupayaan berfikir secara kritikal serta bertindak secara kolektif.

Di Universiti Putra Malaysia (UPM) contohnya, usaha ini diterjemahkan melalui pendekatan Jiwa Putra, iaitu kerangka pembangunan mahasiswa secara holistik yang menekankan keseimbangan antara akademik, sahsiah dan tanggungjawab sosial.

Jiwa Putra menggalakkan mahasiswa membangunkan diri sebagai individu yang bukan sahaja cemerlang sebagai pelajar, tetapi juga bertang-

gungjawab dan berdaya saing dalam masyarakat.

Penekanan turut diberikan kepada pembangunan kemahiran kepemimpinan melalui pembabitan aktif dalam organisasi dan komuniti.

Dididik peka isu masyarakat

Pada masa sama, mahasiswa dididik supaya peka terhadap isu masyarakat serta digalakkan menyumbang melalui aktiviti kesukarelawanan dan khidmat komuniti.

Ini membawa kepada pengenalan Indeks Jiwa Putra, iaitu instrumen pengukuran berasaskan soal selidik skala Likert lima mata bagi menilai tahap penghayatan mahasiswa terhadap nilai dan identiti universiti.

Antara dimensi diukur termasuk semangat kekitaan, kematangan, daya tahan, daya saing, kesukarelawanan serta penghayatan nilai 'Berilmu Berbakti'.

Data menunjukkan pencapaian memberangsang-

kan apabila indeks meningkat daripada 86.31 pada 2024 kepada 89.12 (2025), sekali gus mencerminkan keberkesanan usaha pembudayaan nilai, jati diri dan perpaduan.

Bagaimanapun, pembinaan perpaduan dalam kalangan mahasiswa tidak boleh bergantung kepada program semata-mata. Ia memerlukan komitmen semua pihak, iaitu pentadbiran universiti, pensyarah dan pelajar sendiri.

Universiti perlu menyediakan ekosistem inklusif, pensyarah perlu menggalakkan dialog terbuka, manakala pelajar perlu berani melangkaui sempadan kelompok masing-masing.

Jika kepelbagaian diurus dengan bijak, ia bukan sumber perpecahan, tetapi sumber kekuatan. Universiti akan terus menjadi medan penting melahirkan generasi masa depan yang bukan sahaja berilmu, tetapi memiliki jiwa perpaduan, daya tahan dan kebijaksanaan untuk memimpin dunia yang semakin kompleks.



Siswa menyertai aktiviti kesukarelawanan dan khidmat komuniti mampu melahirkan generasi bertanggungjawab dan berdaya saing. (Foto hiasan)

